# MOBILE LIBRARY @ KOLEJ KERAWANG

## 12 JUN 2023

*Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar*




*Pada 12 Jun 2023 (Isnin), Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Mobile Library yang bertempat di Kolej Kerawang UiTM Kuala Terengganu. Program yang bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 4.00 petang diadakan untuk menggalakkan warga kampus untuk peminjaman buku-buku yang dibawa dari perpustakaan.*

*Di samping itu, pelbagai perkhidmatan perpustakaan turut di war-warkan kepada warga kampus seperti Peminjaman dan pemulangan buku, semakan maklumat am perpustakaan dan perkhidmatan perpustakaan digital. Tujuan program ini diadakan bagi memudahkan staf perpustakaan untuk berinteraksi dengan pengguna dan menerangkan mengenai perpustakaan.*

*Bagi menggalakkan peminjaman buku dari warga kampus terutamanya pelajar, setiap peminjam yang meminjam lebih daripada 2 naskhah buku akan berpeluang untuk menjawap kuiz perpustakaan dan mendapat hadiah yang menarik. Walaubagaimana pun, bagi peminjam yang meminjam 1 naskhah buku sahaja akan memperolehi notepad sebagai cenderahati daripada Perpustakaan Cendekiawan.*

*Semoga program yang dilaksanakan ini dapat memberi lebih pendedahan kepada warga kampus mengenai perkhidmatan di perpustakaan. Di samping itu, menyokong dan menyeru warga kampus dalam Kempen Galakan Membaca dan menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti.*

